

Pembingkaian Berita Vaksinasi COVID-19: Suatu Analisis Pelaporan Akhbar Perdana dalam Talian dan Portal Berita Berbahasa Inggeris di Malaysia

Pui Gou Siang
Rani Ann Balaraman*
Universiti Sains Malaysia

*Emel perhubungan: rani_balaraman@usm.my

Abstrak

Pandemik COVID-19 telah merebak sehingga mencapai tahap yang membimbangkan di Malaysia dan Program Imunisasi Kebangsaan COVID-19 (PICK) telah dilancarkan untuk membendungkannya. Laporan berita yang meluas telah diberi terhadap vaksinasi COVID-19 berikutan tahap pandemik kesihatan awam itu yang telah mengancam nyawa manusia secara meluas dan berleluasa. Persoalannya, adakah pelaporan oleh platform akhbar dalam talian dan portal berita itu mampu mempengaruhi masyarakat untuk mengambil suntikan vaksin berkenaan? Berpaksikan sorotan susastera tentang peranan media dalam konteks komunikasi kesihatan dan kerangka teoritikal pembingkaian berita, makalah ini telah menganalisis berita dalam talian yang dipaparkan oleh akhbar perdana dan portal berita. Kajian ini memilih sampel berita dari akhbar dalam talian dan portal berita berbahasa Inggeris iaitu New Straits Times Online, The Star Online, Malaysiakini, dan Free Malaysia Today bermula dari 1 Mac 2021 sehingga 30 November 2021. Dapatan kajian menunjukkan adanya perbezaan yang signifikan dalam pembingkaian berita dalam talian berkenaan vaksinasi COVID-19. Hasil kajian ini diharap dapat menjadi rujukan dan tanda aras kepada para wartawan dan pengamal media dalam pelaporan berita berkenaan vaksinasi pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana bingkai berita dapat mempengaruhi kefahaman pembaca terhadap isu utama dan permasalahan yang dilaporkan berkenaan vaksinasi COVID-19 di Malaysia.

Kata Kunci: *Vaksinasi COVID-19, Pembingkaian, Bingkai Berita, Portal Berita, Media Malaysia*